

Persepsi Pelajar Tahun Empat (Perdana) Jabatan Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan (JPTK) Terhadap Program Latihan Industri

Lokman Bin Tahir & Mohd Faizal Bin Zakaria

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini dijalankan untuk meninjau persepsi pelajar tahun empat perdana di Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan terhadap latihan industri. Fokus kajian adalah tertumpu kepada empat perkara utama iaitu kerelevanan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dari fakulti dengan kehendak industri, kemahiran generik yang diperolehi semasa latihan industri, kesesuaian penempatan latihan industri dengan bidang pengkhususan dan kerjasama pihak industri dengan pelajar yang mengikuti program latihan industri. Kajian berbentuk deskriptif ini melibatkan 104 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar tahun akhir (perdana) Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, UTM. Instrumen kajian yang digunakan mengandungi 40 item yang berdasarkan kepada skop kajian. Kebolehpercayaan soal selidik ini telah diuji dan Alfa Cronbachnya ialah 0.86. Data-data yang dikumpul seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) for windows Version 13. Hasil analisis daripada persoalan kajian mendapati bahawa latihan industri memberi manfaat kepada pelajar, fakulti dan pihak industri khususnya dalam memenuhi keperluan industri dan pengetahuan serta juga memberi keyakinan kepada pelajar. Beberapa cadangan telah dibuat untuk memantapkan program latihan industri bagi membolehkan pelajar bersiap sedia untuk menjalani latihan industri kelak.

Katakunci : persepsi pelajar, Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, latihan industri

Pengenalan

Universiti adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang bukan sahaja berperanan melahirkan tenaga kerja dalam pelbagai bidang pekerjaan, tetapi juga berperanan membentuk dan mengembangkan sahsiah seseorang insan supaya menggunakan ilmu serta daya pemikiran bagi menghadapi sebarang bentuk cabaran dalam hidupnya termasuk menghadapi alam pekerjaan (Abdul Halim, 1977).

Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia merupakan institusi utama bagi melahirkan para guru berijazah terutama dalam bidang pendidikan teknikal. Bagi merealisasikan hasrat ini, pihak Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia telah pelbagaikan kursus-kursus pendidikannya. Berdasarkan keperluan di atas, satu aktiviti telah dilakukan dengan mewajibkan pelajar-pelajarnya menjalani Latihan Industri selama lapan minggu sebagai syarat sebelum di anugerahkan dengan Ijazah Sarjana Muda. Matlamat dan tujuan program latihan industri ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang suasana alam pekerjaan di samping membekalkan tenaga kerja yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi kepada pihak industri pada masa hadapan.

Secara jelasnya, program latihan industri bertujuan untuk melahirkan guruguru yang terlatih dalam bidang berkaitan dengan industri, selaras dengan matlamat UTM iaitu "Melahirkan ahli teknologi yang cekap dan bertanggungjawab kepada penciptanya dan masyarakat"(Buku Log Latihan Industri, 2006).

Pernyataan Masalah

Latihan industri merupakan satu bentuk pembelajaran yang ideal bagi membangunkan keseluruhan potensi individu pelajar dengan membekalkan pengetahuan dan kemahiran sebenar kepada para pelajar. Di samping membekalkan pengetahuan dan pengalaman baru, latihan industri juga dapat memupuk suasana persekitaran kerja yang baik di kalangan para pelajar. Bekalan ini diharap mampu membina keyakinan dan jati diri di kalangan para pelajar apabila mereka bekerja nanti. Berdasarkan kajian dan pandangan-pandangan yang timbul daripada pelaksanaan latihan industri adalah wajar jika latihan industri ini dilihat dari sudut pandangan pelajar yang terlibat secara langsung. Pandangan ini adalah berdasarkan pengalaman mereka yang telah mengikuti latihan industri. Oleh itu, adakah pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi ketika menuntut di fakulti adalah relevan dengan kehendak industri ketika mengikuti latihan, adakah pelajar memperolehi kemahiran generik ketika menjalani latihan industri, kesesuaian pemilihan tempat industri dengan kemahiran pelajar dan juga kerjasama yang diberikan oleh pihak industri kepada pelajar ketika menjalani latihan. Masalah ini mendorong pengkaji untuk melaksanakan Kajian Program Latihan Industri Terhadap Pelajar Tahun Empat (Perdana) Jabatan Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan (JPTK).

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti pandangan pelajar-pelajar terhadap pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dari fakulti relevan dengan kehendak industri.
- ii. Mengenal pasti kemahiran generik yang diperolehi semasa menjalani latihan industri.
- iii. Mengenal pasti kesesuaian penempatan latihan industri pelajar UTM dengan bidang pengkhususan mereka.
- iv. Mengenal pasti kerjasama yang diberikan oleh industri ketika mereka menjalani latihan industry

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah dilakukan adalah berdasarkan kepada beberapa keutamaan dan kepentingan. Diharapkan hasil daripada dapatan kajian ini, dapat dijadikan panduan kepada pelajar agar program ini menjadi latihan yang efektif dan member manfaat yang baik kepada pelajar. Malahan juga kajian ini dijalankan bagi membantu pelajar dalam menyediakan diri mereka untuk menjalani latihan industry yang perlu dijalani oleh pelajar-pelajar Sarjana Muda tahun tiga yang telah mengikuti aliran kursus di Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan (JPTK) pada setiap tahun. Dengan adanya kajian ini, diharap dapat membantu pelajar bagi memperbaiki segala kelemahan dan kekurangan dalam diri mereka serta meningkatkan rasa keyakinan dalam diri setiap pelajar. Malahan juga dapat mengambil inisiatif baru bagi menjauhi mereka dari sikap leka dan meningkatkan semangat dengan memperlengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada digunakan ketika menjalani latihan industri.

Selain itu juga, kajian ini dapat membantu Unit Jawatankuasa Latihan Industri, Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia dalam menghasilkan program latihan industri yang sesuai dengan skop keperluan aktiviti pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar yang bakal bergelar guru aliran teknikal di sekolah.

Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi rujukan dan panduan kepada pihak industri dalam mengambil pelajar untuk menjalani latihan industri ditempat mereka. Pihak industri boleh membuat rujukan berkaitan dengan kerjasama yang perlu diberikan oleh pihak industri terhadap pelajar yang menjalani latihan. Segala bentuk kelemahan dan juga kekurangan yang wujud dapat

diperbaiki lagi pada masa akan datang supaya latihan industri ini akan memberi kesan positif kepada pelajar untuk mendapatkan tempat atau peluang pekerjaan kelak.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif yang menggunakan pendekatan tinjauan iaitu gambaran terhadap pelajar yang telah menjalani latihan industri. Satu set borang soal selidik diedarkan kepada para responden untuk mendapatkan maklumat dan gambaran mengenai persepsi pelajar tahun empat (perdana) di Jabatan Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan (JPTK) terhadap program latihan industri. Menurut Tuckman (1988), soal selidik adalah instrumen yang mudah mendapat kerjasama dari responden kerana responden bebas menyatakan pendapat serta menilai persoalan yang dikemukakan.

Kaedah yang digunakan adalah bertujuan untuk melihat maklumat secara umum serta mengumpul maklumat secara terperinci dan memberi gambaran yang jelas mengenai kajian program latihan industri yang telah dijalani oleh pelajar tahun empat (perdana) di Jabatan Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan (JPTK).

Jumlah sampel adalah penting kerana ia melambangkan kekuatan keputusan kajian nanti. Lebih banyak sampel adalah lebih baik kerana anda dapat mengurangkan kesilapan keputusan. Ini berkait dengan masalah kebarangkalian atau kemungkinan berlakunya fenomena berdasarkan bilangan. Menambahkan bilangan boleh meninggikan kesahan dan kebolehpercayaan skor. Dapatan ini selaras dengan pendapat Mohd. Najib (1997).

Populasi Kajian Dan Sampel Kajian

Populasi dan sampel kajian ini adalah terdiri daripada 104 orang Pelajar Tahun Empat (Perdana) di Jabatan Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan (JPTK), UTM. Mereka dipilih untuk dijadikan bahan kajian kerana pernah menjalani latihan selama dua bulan semasa di tahun tiga. Jumlah responden adalah seramai 104 orang yang terdiri daripada 27 orang lelaki dan 77 orang perempuan. Dalam kajian ini, penyelidik mengambil kesemua populasi bagi mendapatkan keputusan kajian yang lebih jelas.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah alat yang digunakan dalam pemerolehan data. Instrumen ini digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah berbentuk boring soal selidik. Borang soal selidik digunakan untuk memperoleh maklumat daripada responden yang dilibatkan dalam kajian ini. Hal ini kerana dengan penggunaan teknik soal selidik adalah popular dengan membuat soalan atau item-item yang memudahkan responden untuk memberikan jawapan (Mohd Najib, 2003). Soal selidik ini telah dibina oleh penyelidik dan diperbetulkan semula oleh pembimbing penyelidik.

Soal selidik selalu digunakan dengan menggunakan kaedah Skala Likert iaitu dengan menggunakan Skala lima mata. Penggunaan Skala lima mata digunakan kerana soal selidik mudah ditadbir setelah dibina dengan baik, lebih mudah bagi mendapatkan data yang baik. Selain itu juga maklumat yang diperolehi daripada responden mudah dianalisis dan responden lebih mudah dan berani untuk member tindak balas terhadap aspek yang dikaji. Di dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A : Dalam bahagian ini, maklumat yang diperolehi oleh penyelidik adalah berkaitan dengan biodata responden seperti umur, jantina, bangsa, pengkhususan dan sektor

latihan atau tempat menjalani latihan. Item dalam bahagian ini merupakan soalan tertutup kerana soalan tertutup sesuai digunakan untuk memperolehi data objektif, tanpa maklumat tambahan dan penilaian responden. Responden hanya dikehendaki menandakan [/] pada kotak jawapan pilihan. Item-item yang terdapat pada di dalam bahagian A adalah seperti dibawah:

- i. Jantina
- ii. Bangsa
- iii. Pengkhususan

Bahagian B : Bahagian B terdiri daripada 40 item berkaitan dengan kajian program latihan industri selepas pelajar berkenaan mengikuti program tersebut. Item-item ini dibahagikan kepada empat bahagian mengikut persoalan-persoalan kajian iaitu adakah pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dari fakulti relevan dengan kehendak industri, adakah pelajar Universiti Teknologi Malaysia menerapkan kemahiran generik iaitu kemahiran komunikasi ketika mereka menjalani latihan industri, adakah penempatan latihan industri pelajar Universiti Teknologi Malaysia bersesuaian dengan bidang pengkhususan mereka dan adakah terdapat kerjasama yang diberikan oleh industri kepada pelajar Universiti Teknologi Malaysia ketika mereka menjalani latihan industri. Di mana kesemua aspek ini dapat mempengaruhi kajian program latihan industri dikalangan pelajar tersebut.

Dalam kajian ini, item-item diukur menggunakan skala Likert. Skala Likert digunakan kerana ia dapat memberikan gambaran yang lebih jelas dan tepat melalui maklum balas responden. Setiap soalan yang direka bentuk adalah berpandukan kepada pemboleh ubah yang hendak dikaji oleh penyelidik. Responden hanya perlu menyatakan setuju atau tidak terhadap item-item dengan menandai pada skor yang diberikan. Pengelasan skala Likert ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Pengelasan Skala Likert

Maklum balas	Skor
Sangat setuju (SS)	5
Setuju (S)	4
Tidak pasti (TP)	3
Tidak setuju (TS)	2
Sangat tidak setuju (STS)	1

Sumber : Mohd Najib, (1999)

Pemboleh ubah dibina berdasarkan kajian yang dijalankan oleh penyelidik untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan data. Borang soal selidik menunjukkan bilangan item dalam soal selidik yang dibina. Jadual 2 menunjukkan persoalan kajian, pemboleh ubah, nombor item dan jumlah item yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 2 Pembahagian Item Bahagian B Berdasarkan Dalam Soalan Kajian

Bil.	Persoalan Kajian	Pembolehubah	Nombor Item	Jumlah Item
1	Adakah pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dari fakulti relevan dengan kehendak industri?	Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dari fakulti relevan dengan kehendak industri	1,2,3,4, 5, 6, 7,8,9,10,11, 12,13,14 dan 15.	15
2	Adakah pelajar Universiti Teknologi Malaysia memperoleh kemahiran generik ketika mereka menjalani latihan industri?	Pelajar Universiti Teknologi Malaysia memperoleh kemahiran generik ketika mereka menjalani latihan industri	16,17,18,19, 20,21,22,23 dan 24	9
3	Adakah penempatan latihan industri pelajar Universiti Teknologi Malaysia bersesuaian dengan bidang pengkhususan mereka?	Penempatan latihan industri pelajar Universiti Teknologi Malaysia bersesuaian dengan bidang pengkhususan mereka	25,26,27,28, 29,30,31 dan 32	8
4	Adakah terdapat kerjasama yang diberikan oleh industri kepada pelajar Universiti Teknologi Malaysia ketika mereka menjalani latihan industri?	Kerjasama yang diberikan oleh industri kepada pelajar Universiti Teknologi Malaysia ketika mereka menjalani latihan industri	33,34,35,36, 37,38, 39 dan 40	8
	Jumlah			40

Kebolehpercayaan Soal Selidik

Set borang soal selidik yang diedarkan dalam kajian rintis ini digunakan oleh penyelidik untuk melihat kebolehpercayaan soal selidik sebelum kajian sebenar di jalankan. Jika nilai pekali Alpha Cronbach berada di antara 0.6 hingga 1.0, nilai ini menunjukkan item kajian diterima dan instrumen serta item-item pernyataan tidak perlu ditukar (Mohd Najib, 1999).

Jadual 3 Pekali Alpha Cronbach

JULAT	KEKUATAN
0.0 - 0.2	Sangat Lemah
0.2 - 0.4	Lemah, Rendah
0.4 - 0.7	Sederhana
0.7 - 0.9	Tinggi, Kuat
0.9 - 1.0	Sangat Kuat, Sangat Tinggi

Sumber Mohd Najib, (1999)

Analisis Data

“Adakah pelajar UTM memperoleh kemahiran generik ketika mereka menjalani latihan industri.”

Jadual 4 : Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Rersponden Bagi Pelajar UTM Memperoleh Kemahiran Generik Ketika Mereka Menjalani Latihan Industri.

Bil.	Pernyataan	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min
		f	%	f	%	f	%	
16	Budaya kerja di industri menjadikan saya seorang yang lebih berdisiplin.	3	2.9	6	5.8	95	91.3	4.16
17	Latihan industri membantu saya untuk lebih berketerampilan dari segi kepimpinan	4	3.8	14	13.5	86	82.7	4.06
18	Latihan industri dapat meningkatkan keyakinan saya dalam berkomunikasi ketika mengajar matapelajaran teknikal	2	1.9	12	11.5	90	86.6	4.12
19	Saya sentiasa berfikiran positif terhadap setiap teguran atau nasihat yang diterima sama ada daripada majikan atau rakan sekerja	1	1	8	7.7	95	91.3	4.13
20	Saya sentiasa berkongsi pandangan terhadap kerja yang saya lakukan bersama dengan rakan sekerja	1	1	5	4.8	98	94.2	4.21
21	Sekiranya saya mempunyai masalah terhadap kerja ketika latihan industri, saya akan bertincang atau berunding dengan rakan sekerja atau majikan	1	1	5	4.8	98	94.2	4.21
22	Saya mempunyai hubungan yang baik atau boleh bergaul dengan rakan sekerja yang lain	2	1.9	9	8.7	93	89.4	4.19
23	Latihan industri dapat membantu saya untuk mempertingkatkan kemahiran bekerja secara berkumpulan	1	1	5	4.8	98	94.2	4.25
24	Latihan industri membolehkan saya untuk memahami etika kerja yang perlu saya ikuti	1	1	6	5.8	97	93.2	4.20
Jumlah purata		2	1.7	8	7.5	94	90.8	4.17

f = Kekerapan

Terdapat sembilan item yang mengkaji persoalan kajian yang kedua iaitu mengenai pelajar UTM memperoleh kemahiran generik ketika mereka menjalani Latihan Industri. Jadual 4 menunjukkan dengan jelas kekerapan, peratus dan min dapatan untuk soalan kajian ini. Secara keseluruhannya purata taburan kekerapan dan peratusan mendapati sebanyak 94 responden (90.8 peratus) bersetuju manakala 8 responden (7.5 peratus) tidak pasti dan hanya 2 responden (1.7 peratus) tidak bersetuju dengan pernyataan persoalan kajian ini dengan purata taburan min pula ialah 4.17 iaitu berada pada tahap tinggi.

Item 16 menyatakan bahawa budaya kerja di industri menjadikan saya seorang yang lebih berdisiplin. Sebanyak 95 responden (91.3 peratus) bersetuju, 6 responden (5.8 peratus) tidak pasti dan selebihnya iaitu 3 responden (2.9 peratus) menyatakan tidak setuju dengan pernyataan ini. Nilai min diperolehi berada pada tahap tinggi iaitu 4.16.

Item 17 pula menyatakan bahawa latihan industri membantu saya untuk lebih berketerampilan dari segi kepimpinan. Seramai 86 responden (82.7 peratus) setuju, 4 responden (3.8 peratus) tidak setuju dan 14 responden (13.5 peratus) tidak pasti dengan pernyataan ini. Nilai min yang diperolehi adalah tinggi iaitu 4.06. Nilai min pada item 17 ini merupakan nilai min pada tahap paling rendah dalam persoalan kajian kedua ini.

Bagi item 18 pula, sebanyak 90 responden (86.6 peratus) setuju, 12 responden (11.5 peratus) tidak pasti dan 2 responden (1.9 peratus) tidak setuju bahawa latihan industri dapat meningkatkan keyakinan saya dalam berkomunikasi ketika mengajar matapelajaran teknikal. Nilai min diperolehi berada pada tahap tinggi iaitu 4.12.

Item 19 menyatakan saya sentiasa berfikiran positif terhadap setiap teguran atau nasihat yang diterima sama ada daripada majikan atau rakan sekerja. Sebanyak 95 responden (91.3 peratus) setuju, hanya 1 responden (1 peratus) tidak setuju dan 8 responden (7.7 peratus) tidak pasti dengan pernyataan item 19. Nilai min diperolehi berada pada tahap tinggi iaitu 4.13.

Item 20 menyatakan bahawa saya sentiasa berkongsi pandangan terhadap kerja yang saya lakukan bersama dengan rakan sekerja. Sebanyak 98 responden (94.2 peratus) bersetuju, 5 responden (4.8 peratus) tidak pasti dan hanya 1 responden sahaja (1 peratus) menyatakan tidak setuju dengan pernyataan ini. Nilai min diperolehi berada pada tahap tinggi iaitu 4.21.

Bagi item 21, sebanyak 98 responden (94.2 peratus) bersetuju, 1 responden (1 peratus) menjawab tidak setuju dan 5 responden (4.8 peratus) tidak pasti bahawa sekiranya saya mempunyai masalah terhadap kerja ketika latihan industri, saya akan berbincang atau berunding dengan rakan sekerja atau majikan. Nilai min diperolehi berada pada tahap tinggi iaitu 4.21.

Dalam Item 22 pula, 93 responden (89.4 peratus) menjawab setuju, 9 responden (8.7 peratus) tidak pasti dan hanya 2 responden (1.9 peratus) tidak bersetuju terhadap pernyataan bahawa saya mempunyai hubungan yang baik atau boleh bergaul dengan rakan sekerja yang lain. Nilai min yang diperolehi bagi item 22 ini adalah 4.19 di mana ia berada pada tahap tinggi.

Manakala bagi pernyataan item 23, iaitu latihan industri dapat membantu saya untuk mempertingkatkan kemahiran bekerja secara berkumpulan. Analisa mendapati 98 responden (94.2 peratus) telah bersetuju, 5 responden (4.8 peratus) tidak pasti dan hanya 1 responden (1 peratus) tidak setuju dengan pernyataan ini. Nilai min diperolehi pada tahap tinggi iaitu 4.25. Nilai min pada item 23 ini merupakan nilai min yang berada tahap paling tinggi dalam persoalan kajian yang kedua ini.

Pernyataan tentang latihan industri membolehkan saya untuk memahami etika kerja yang perlu saya ikuti terdapat dalam item 24. Dapatan kajian mendapati 97 responden (93.2 peratus) bersetuju, 6 responden (5.8 peratus) tidak pasti dan 1 responden (1 peratus) tidak setuju dengan

penyataan dalam item 24 ini. Nilai min bagi item 24 diperolehi adalah 4.20 dan ianya pada tahap tinggi.

Perbincangan Kajian

Latihan industri merupakan latihan praktik yang dilalui oleh siswa di organisasi atau industri dalam jangka masa yang ditetapkan untuk mendapatkan pengalaman sebenar dengan mempratikkan apa yang dipelajari di Universiti dan mempertingkatkan kemahiran yang diperlukan oleh sesuatu profesion (Buku Panduan Latihan Praktik Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat, 2004). Program latihan industri bertujuan untuk melahirkan guru-guru yang terlatih dalam bidang berkaitan dengan industri, selaras dengan matlamat UTM iaitu “Melahirkan ahli teknologi yang cekap dan bertanggungjawab kepada penciptanya dan masyarakat” (Buku Log Latihan Industri, 2006). Latihan industri bertujuan untuk mendedahkan bakal pendidik kepada pengalaman dan mempratikkan teori-teori yang dipelajari itu dalam suasana persekitaran kerja yang sebenar.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dari fakulti adalah sesuai dan relevan dengan kehendak industri. Namun begitu kebanyakan pelajar memberi maklum balas bahawa mereka mendapat pengetahuan baru ketika menjalani latihan industri. Malahan juga mereka turut mengakui menerima kemahiran baru yang tidak diperolehi semasa di fakulti. Dapatan ini selaras dengan dapatan Sulaiman (1997), iaitu pengetahuan pada umumnya merupakan kebolehan untuk mengingat atau mengenal semula sesuatu pelajaran yang telah dipelajari samada daripada buku, guru atau rakan. Ini kerana pelajar yang menjalani latihan industri telah dibekalkan dengan ilmu pengetahuan yang ada kaitannya dengan bidang yang diambil dalam matapelajaran yang dipelajari di universiti. Matapelajaran ini mendedahkan kepada pelajar berkaitan dengan kaedah atau teknik yang bersesuaian untuk diaplikasikan semasa menjalani latihan industri.

Kebanyakan pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari di fakulti ketika menjalani latihan industri. Kenyataan ini disokong oleh Wan Azmi (1985, dalam Mahdzir, 1999 : 08) mendapati, untuk menghasilkan mutu kerja yang tinggi, pengetahuan hendaklah disertai kemahiran yang tinggi. Tahap kemahiran adalah termasuk dalam menjalankan kerja-kerja sistem pengoperasian data, pengoperasian dan penyelenggaraan mesin, penggunaan alatan, sistem komunikasi, sistem pengelolaan, kepimpinan dan juga bimbingan.

Kemahiran generik merupakan kemahiran yang perlu ada pada setiap pelajar di mana ia merupakan kemahiran yang tidak hanya tertumpu pada perkara-perkara yang mereka pelajari dalam bidang mereka. Terdapat beberapa pandangan tentang kemahiran generik ini. Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa kemahiran generik merupakan komitmen kemahiran yang diperlukan pelajar bagi memenuhi perkembangan mereka untuk menjadi lebih berjaya dan juga pelajar yang berkesan. Antara kemahiran tersebut ialah kemahiran mendapatkan maklumat dan kemahiran metakognitif (Elshout et.al 1990). Terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa kemahiran generik merupakan kuasa intelektual dan imaginasi, kemahiran memahami dan membuat pertimbangan, kemahiran mengatasi masalah, pemikiran kritikal dan juga kemahiran untuk melihat hubungkait (Squires, 1990).

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar berpuas hati terhadap latihan industri yang telah mereka ikuti kerana melalui program tersebut mereka telah memperolehi kemahiran generik. Kebanyakan pelajar member maklum balas terhadap kemahiran komunikasi mereka dapat ditingkatkan melalui program tersebut. Mereka mengakui mula mendapat keyakinan untuk berkomunikasi dengan penuh keyakinan ketika menjalani latihan

industri. Jelas menunjukkan, mereka tidak lagi segan silu dan mampu untuk bertutur dalam dwi-bahasa iaitu Bahasa Melayu dan juga Bahasa Inggeris tanpa merasa kurang yakin ketika menjalani latihan industri. Seterusnya, mereka berpendapat bahawa melalui latihan industri juga telah berjaya memperkembangkan dan meningkatkan kemahiran generik mereka.

Malahan juga melalui latihan industri ini ia berjaya membantu pelajar untuk lebih berketerampilan dari segi kepimpinan iaitu kebolehan untuk memimpin sesuatu perkara. Kemahiran generik ini sangat penting kepada pelajar dalam menghadapi memasuki bidang pekerjaan sebenar. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia turut menekankan aspek kemahiran generik melalui kemahiran bernilai tambah (KBT) di dalam kurikulum sebagai satu suntikan baru kepada pengisian kurikulum kebangsaan bagi melahirkan pendidikan berkualiti iaitu selari dengan senario dunia kompetatif dan global. (Khatijah dan Siti Nazilah 2006).

Secara keseluruhannya ilmu pengetahuan dan kemahiran teknikal yang ada pada seseorang individu tidak cukup bagi mereka untuk menempuh alam pekerjaan masa kini. Ia perlu ada nilai tambahan lain iaitu menguasai kemahiran generik bagi membolehkan individu itu mempamerkan perwatakan dan personaliti yang berkeyakinan serta bersedia menghadapi cabaran di dalam pekerjaan di samping bekalan kemahiran teknikal yang mereka ada Yahya (2004).

Dalam menjalani latihan kesesuaian tempat dan perhubungan sosial masyarakat sekeliling adalah amat penting kerana menurut Omar Al Syaibani (1991) proses pendidikan dan kebudayaan sesuatu masyarakat setempat adalah penting walaupun ia bersifat umum dan khusus kerana di dalam masyarakat itu sendiri terdapat pengetahuan, kepercayaan, nilai-nilai, ideal, keterampilan, cara berfikir, adat kebiasaan, tradisi, undang-undang, sistem, kesusasteraan, seni dan lain-lain lagi.

Faktor-faktor keselamatan ditempat kerja juga menjadikan sebab dalam pemilihan tempat latihan. Kebanyakkan mereka memberi maklum balas mengenai persekitaran di tempat latihan industri mempunyai ciri-ciri keselamatan yang baik, di mana mereka berpendapat bahawa tempat yang mereka menjalani latihan adalah selamat dan berkeadaan baik. Siti Salbiah (1995) dalam kajian kesnya berkata sebab utama kemalangan perindustrian kerap berlaku ialah keadaan tempat persekitaran dalam keadaan kurang baik dan selamat. Ini turut dikuatkan lagi dengan kajian yang dijalankan oleh Salina dalam Syed Othman dan Hamiza (1998), ke atas SIRIM di mana beliau mendapati persekitaran tempat kerja merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kecemerlangan sesebuah syarikat. Persekitaran tempat kerja yang teratur dan menarik bukan sahaja seronok untuk bekerja malah menyumbang kepada peningkatan produktiviti. Justeru, dapat dilihat persekitaran tempat kerja yang disediakan oleh majikan memainkan peranan yang agak penting di dalam memilih tempat perkerjaan yang selamat.

Rujukan

- Alf Lizio dan Kethia Wilson (2004). First Years Student's Perceptions of Capability, *Studies in Higher Education*, Vol.29 no. 1. Febuary 2004, Australia, Universiti Griffith
- Biro Latihan Vokasional Kementerian Buruh Jepun (1982). " Theory And Praticce of Vocational Training in Japan. Filipina, Manila
- Buku Log Latihan Industri (2006). Fakulti Pendidikan : Universiti Teknologi Malaysia
- Ingermar Fagerlind Lawrencej. Seha (1983). "Educational and Nasional Development a Comparative Perpective". Pergamon Press USA
- Goldstein, I.L. (1980). "Training In Work Organization Annual Review Of Psychology ". Bil. 31

- Ismail Hassan (1974). Isu-isu Perancangan Kurikulum Pelajaran, UKM. Tidak Diterbitkan
- Ismail Mohd Salleh (1989). " Perkembangan Sektor Perindustrian Di Malaysia ". Kuala Lumpur : AMK Interaksi Sdn. Bhd
- Jaludin Rashid (1991). Penyelarasan Kurikulum STP di Utm Dengan Kurikulum Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik & Vokasional : Tesis Sarjana Muda, UTM
- Kamus Dewan (1996). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Maimunah Aminuddin (1994). " Pengurusan Sumber Manusia " (Terjemahan Ahmad Dan Fauziah Nordin) Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Mohd. Majid Konting (1993). Kaedah penyelidikan pendidikan. Dewan bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1990). " Penyelidikan Pendidikan." Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghabar (1990). Asas Penyelidikan Sains Sosial. Universiti Teknologi Malaysia
- Omar Al Syaibani (1991). Fakulti Pendidikan Islam. Shah Alam : Harbi Sdn. Bhd.
- Panduan Latihan Industri Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, (2003)
- Saari Yazid (1999). Keberkesanan Menjalani Latihan Industri Di Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Jitra, Kedah. Ambilan Januari 1997, Skudai UTM
- Sakaran, U (1992). Research Methods For Business : A Skill Building Approach New York : John Wiley and Sowid, Inc.
- Tuckman, W. B. (1988). "Conducting Education Research". New York : Harcout Jovanovick
- Wan Azmi Ramli (1985, dalam Mahdzir, 1999 : 08) " Latihan Satu Hala Cara Profesional". Petaling Jaya : Fajar Bakti
- Young et all (1972), Vocational Education Planning Man Power Priorities & Dollars, Columbus oh The Center Of Vocational Education, The Ohio State Univercity, 1972